

Berasaskan perbahasan di atas, hukum penggunaan mesin basuh automatik (full automatic) dan separa automatik (semi automatic) adalah seperti berikut:

Basuhan menggunakan mesin basuh automatik (full automatic) adalah harus dan suci. Manakala basuhan menggunakan mesin basuh separa automatik (semi automatic) harus dan suci bergantung kepada perkara-perkara yang telah dibincangkan di atas.

Perihal ini juga terpakai dalam penggunaan mesin basuh automatik (full automatic) dan separa automatik (semi automatic) yang bercampur antara pakaian pengguna Muslim dan non-Muslim. Ini berdasarkan perbuatan Nabi SAW dan para sahabat mengambil wuduk dari bekas takungan air orang Musyrikin, dan keizinan Nabi SAW kepada para sahabat menggunakan pinggan mangkuk yang telah ditinggalkan dalam peperangan oleh pihak non-Muslim.

RUJUKAN:

- Al-Nawawi, Kitab Al-Majmuk Syarh Al-Muhazzab li Al-Syirazi, (Jeddah: Maktabah Al-Irsyad, 1925).
- 'Atiyyah Saqar, Audio Fatawa wa Ahkam, <https://youtu.be/ZoiXrg9Q6Nw>, 12 Oktober 2018.
- Markaz Fatwa Islam Web, (Qatar: Idarah Al-Da'wah wa Al-Irsyad Al-Dini Wizarah Al-Awqaf wa Syu'un Al-Islamiah, 2012).
- Said Ramadan Al-Buti, kitab Ma'al Al-Nas, Juz.2 (Damsyik, Syria: Dar Al-Fikr Al-Mu'asir, 2010).

**PASTIKAN
SUCI**



GARIS PANDUAN PENGGUNAAN MESIN BASUH AUTOMATIK (FULLY AUTOMATIC) DAN SEPARA AUTOMATIK (SEMI-AUTOMATIC)



LATAR BELAKANG

Mutakhir ini, banyak tersebar polemik di media sosial mengenai sejauh mana kesucian pakaian yang dicuci menggunakan mesin basuh dan mesin yang dikongsi bersama antara Muslim dan non-Muslim. Sehubungan itu Garis Panduan ini dikemukakan bagi menjelaskan perihal tersebut.

HUKUM MEMBASUH PAKAIAN MENGGUNAKAN MESIN BASUH:

Mesin basuh automatik (fully automatic)

Membasuh pakaian menggunakan mesin basuh fully automatic adalah suci kerana ia menepati hukum syarak dalam bab menyucikan pakaian. Ini bertepatan dengan apa yang disebut oleh para fuqaha di dalam kitab dan fatwa yang muktabar.

Kitab Majmuk Syarh Muhazzab karangan
Al-Imam Al-Nawawi (m.1277M):

قَالَ صَاحِبُ التَّتِمَّةِ وَغَيْرُهُ لِلْمَاءِ قُوَّةٌ عِنْدَ الْوُرُودِ عَلَى النَّجَاسَةِ فَلَا يَنْجُسُ بِمُلَاقَاتِهَا بَلْ يَبْقَى مُطَهَّرًا فَلَوْ صَبَّ عَلَى مَوْضِعِ النَّجَاسَةِ مِنَ الثُّوبِ فَانْتَشَرَتْ الرُّطُوبَةُ فِي الثُّوبِ لَا يُحْكَمُ بِنَجَاسَةِ مَوْضِعِ الرُّطُوبَةِ وَلَوْ صَبَّ الْمَاءُ فِي إِنَاءٍ نَجَسٍ وَلَمْ يَتَغَيَّرْ بِالنَّجَاسَةِ فَهُوَ طَهُورٌ فَإِذَا أَدَارَهُ عَلَى جَوَانِبِهِ طَهَّرَتْ الْجَوَانِبُ كُلُّهَا

“Penulis kitab Al-Tatimmah dan fuqaha yang lainnya mengatakan bahawa air mempunyai kekuatan sifat menyuci ketika dicurahkan ke atas benda yang terkena najis, maka tidak menjadi najis dengan akibat percampuran tersebut, bahkan air itu kekal suci. Jika sekiranya air itu dicurahkan ke atas pakaian yang ada najis dan air itu membasahi keseluruhan pakaian, maka pakaian itu suci. Sekiranya air dicurahkan ke dalam bekas yang bernajis dan sifat air itu tidak berubah akibat najis tersebut, maka ia adalah suci. Jika air itu dipusing-pusing ke setiap sudut bekas itu, maka sucilah keseluruhan bekas tersebut”.



Fatwa Al Syeikh 'Atiah Saqar (m.2006M)

“Sekiranya pakaian yang terkena najis dimasukkan terlebih dahulu ke dalam bekas (baldi) dan dicurahkan air ke dalamnya, maka air basuhan itu tidak menjadi najis dan pakaian itu hukumnya suci”

Ini bermaksud, sekiranya pakaian yang bernajis di masukkan ke dalam bekas (baldi) berisi air kurang daripada dua kolah, maka pakaian itu tidak suci.

Fatwa Darul Ifta Mesir
bertarikh 21/03/2012. No fatwa 176059

وأما إذا وضع الثوب في الإناء ثم صب عليه الماء كفى ذلك في تطهيره إذا زالت عين النجاسة أو كانت النجاسة حكمية

“Sekiranya pakaian dimasukkan ke dalam bekas (baldi) kemudian dicurahkan air ke atasnya; ianya memadai (suci) apabila najis itu telah hilang atau najis tersebut hanyalah najis hukmi (najis tanpa bau atau warna atau rasa)”.

Mesin basuh separa automatik (semi-automatic)

Pada asasnya membasuh dengan mesin basuh semi automatic hukumnya tidak suci kerana air yang digunakan telah bercampur dengan bahan pencuci pakaian yang menyebabkan sifat air bukan lagi mutlak. Proses membasuh menggunakan mesin basuh separa automatik boleh menjadi suci sekiranya memenuhi perkara berikut:

- Pakaian dikeluarkan daripada mesin basuh dan dibilas dengan air mutlak, atau
- Pakaian dijirus dengan air mutlak dan pada masa yang sama laluan air keluar di mesin basuh dibuka sehingga air melalui semua pakaian tersebut, atau
- Pakaian yang telah dicuci dipindahkan ke tempat pengering dan pada masa yang sama dilalukan air sehingga air mengenai semua pakaian tersebut dan laluan air keluar perlu dibuka agar air tidak bertakung.

